

BOLA JARING

DE 8.6.13 12

UMS juara Kejohanan Terbuka

KOTA KINABALU: Pasukan bola jaring UMS muncul juara Kejohanan Bola Jaring Terbuka yang berlangsung di Kompleks Sukan Universiti Malaysia Sabah (UMS) baru-baru ini.

Kejohanan tersebut yang dianjurkan oleh Kelab Ko-Kurikulum (Kokum) Bola Jaring Semester 2 itu disertai empat pasukan daripada pelajar dan staf universiti Eko Kampus itu.

Pasukan UMS pada awalnya menundukkan pasukan MasCom dengan jaringan 18-1 disusuli dengan kemenangan 14-1 ke atas pasukan Kokum sebelum menewaskan pasukan G-United dengan jaringan 14-3.

Dengan aksi permainan bergaya itu membolehkan pasukan UMS yang kebanyakannya dibarisi oleh pelajar Sains Sukan dinobatkan sebagai juara keseluruhan.

Naib juara pula disandang oleh pasukan Kokum manakala tempat ketiga jatuh ke tangan pasukan G-United. Kesemua pasukan yang menang menerima pingat, hamper dan sijil.

Dalam pada itu, jurulatih ko-kurikulum bola jaring UMS, Fauziah Janau berkata, beliau berpuas hati dengan kelancaran program yang dianjurkan oleh pelajar di bawah kursus bola jaring tersebut.

Katanya, ia merupakan persiapan penting dalam meningkatkan kemahiran insaniah untuk menjadi bekalan pada alam pekerjaan kelak.

Bagi pengarah kejohanan,



PASUKAN bola jaring UMS bergambar bersama pingat kejuaraan mereka.

Nurul Ashikin Razak pula berkata, kejayaan ahli jawatankuasa yang telah bertungkus-lumus mengendalikannya kejohanan tersebut sedikit sebanyak mengajar mereka mencari pengalaman dalam menganjurkan sesuatu kejohanan.

Katanya, melalui pengalaman yang diperoleh, pastinya amat berguna untuk diterapkan dalam kehidupan khususnya dalam mendepani masa depan yang lebih mencabar.

Kejohanan bola jaring terbuka itu merupakan kejohanan yang dijalankan pada akhir setiap semester pengajian di UMS.

Ia antara lain bertujuan menggalakkan mahasiswa membudayakan bersukan sebagai amalan gaya hidup sihat selain menjadi landasan untuk mencungkil bakat baru yang boleh diketengahkan dalam pelbagai kejohanan seperti Majlis Sukan Universiti Malaysia (Masum) dan Sukan Universiti Asean.